

Integrasi Pendidikan Tahfiz dan Akademik ***Integration of Tahfiz and Academic Education***

Abdullah, A. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +60197618427 E-mel: aisyahabdullah@umt.edu.my

Embong, A. H.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +60137395195 E-mel: hanis.embong@umt.edu.my

Azmi, R.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +60199852143 E-mel: riswadi@umt.edu.my

Mokhtar, W. K. A. W.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +60148228671 E-mel: wkhairulaiman@unisza.edu.my

Alias, N. D. F.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +60132790339 E-mel: durrahfarahi@umt.edu.my

Chua, N. A.

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu 21300 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia

Tel: +60179685986 E-mel: ain.chua@umt.edu.my

Ismail, F. A.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +60132007843 E-mel: fadhilah97@uitm.edu.my

Abdul Latif, M. N. H.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +60105515898 E-mel: mnhafizlatif@unisza.edu.my

Muhamad, F. H.

Fakulti al Quran dan Sunnah (FQS), Kolej Universiti Islam Perlis KUIPs, Taman Seberang
Jaya Fasa 3, 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

Tel: +601132957995 E-mel: f.hananmuhamad@kuips.edu.my

Ab Hamid, D. S.

Maahad Tahfiz al-Aqsa, No.2 Jln Tg Balai, Taman Malindo, Jln Kebun Seksyen 30, 40460
Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: +60192758071 E-mel: abuuwais2006@gmail.com

Abstrak

Pendidikan tahfiz tradisional sering kali dianggap terpisah daripada pendidikan akademik arus perdana. Namun, seiring dengan peningkatan permintaan untuk melahirkan generasi huffaz yang menguasai Al-Quran dan juga bidang akademik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah memperkenalkan program hafazan dengan kerjasama Darul Quran, JAKIM. Artikel ini mengkaji pendekatan yang diambil oleh UIAM dalam mengintegrasikan pendidikan hafazan al-Quran dengan kursus akademik, khususnya dari aspek cabaran, strategi, dan kejayaan yang dicapai oleh pengajar dan pelajar yang terlibat dengan program ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan secara tematik melalui maklumat-maklumat kajian perpustakaan terhadap bahan-bahan berkaitan sejarah pendidikan tahfiz serta temubual terhadap pengajar dan pelajar di pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gambang, Pahang. Hasil kajian menunjukkan bahawa integrasi antara hafazan dan pendidikan akademik bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan berjaya, tetapi juga menyediakan model pendidikan Islam yang relevan dengan keperluan semasa. Penemuan ini menawarkan panduan penting bagi institusi lain yang berhasrat untuk melaksanakan program serupa, dengan harapan dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai pegangan agama yang kukuh.

Kata kunci: Hafazan al-Quran; UIAM; Integrasi; Holistik; Darul Quran JAKIM

Abstract

Traditional tahfiz education is often perceived as being separate from mainstream academic education. However,

with the increasing demand to produce a generation of huffaz who are master the Quran and also excel in academic fields, universities such as the International Islamic University Malaysia (IIUM) have introduced hafazan programs in collaboration with Darul Quran, JAKIM. This article examines the approach taken by IIUM in integrating hafazan education with academic courses, particularly in the fields of engineering and social sciences. Through interviews with instructors and students as well as an analysis of the programs offered, this article delves into the challenges, strategies, and successes achieved in the implementation of this program. This study employs a qualitative method, specifically thematic content analysis, through a literature-based examination of resources related to the history of tahfiz education, as well as interviews with instructors and students at the Centre for Foundation Studies, International Islamic University Malaysia (IIUM), Gambang Campus, Pahang. The findings of the study indicate that the integration of hafazan and academic education can not only be successfully implemented but also provides an Islamic education model that is relevant to contemporary needs. These findings offer important guidance for other institutions intending to implement similar programs, with the hope of producing graduates who not only excel academically but also have a strong religious foundation.

Keywords: *Hafazan al-Quran; UIAM; Integration; Holistic; Darul Quran JAKIM*

Pengenalan

Pendidikan tahfiz di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang dan merupakan salah satu elemen penting dalam sistem pendidikan Islam di negara ini. Sejarah awal Pendidikan tahfiz di Malaysia

bermula seiring dengan kewujudan pengajian tafsir al-Quran apabila timbulnya kesedaran beragama masyarakat Islam di negara ini (Mohd Nawawi et al., 2021). Bermula sekitar abad ke-12, pengajian agama beransur-ansur berevolusi sejajar dengan aktiviti mubaligh Islam yang bergerak aktif pada akhir abad ke-13 dan mencapai kemuncaknya pada abad ke-14 seterusnya menguasai keseluruhan kepulauan Melayu pada abad ke-15. Perkembangan pengajian yang lebih pesat berlaku selepas abad ke-16 (Jusoh et al., 2020).

Seiring dengan pengajian al-Quran, perkembangan pengajian tahfiz juga bergerak serta berkembang sehinggalah zaman kemerdekaan Tanah Melayu. Pasca kemerdekaan Tanah Melayu memberikan sinar cahaya baru kepada bidang pendidikan hafazan. Majlis Ujian Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan yang diadakan pada tahun 1960 mencadangkan supaya agar Pendidikan Tahfiz Negara dilaksanakan dengan lebih sistematik, tersusun dan bersifat formal (Abdul Ghafor Hameed, 2003). Idea ini akhirnya direalisasikan selepas diperdebatkan selama enam tahun iaitu pada tahun 1966 apabila diangkat secara rasmi oleh Kerajaan Persekutuan dengan penubuhan Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara Kuala Lumpur (Mat Isa et al., 2023).

Pengajian tahfiz al-Quran terus diperkukuhkan dengan penubuhan Darul Quran pada tahun 1966 hasil cetusan idea Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Alias, 2020). Idea baik ini cepat berkembang dan membawa kepada penubuhan beberapa

institusi tahfiz di peringkat negeri seperti Kelantan pada tahun 1979, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Selangor pada tahun 1980-an, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah pada awal 1990-an, dan Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1996 (Samad et al., 2021).

Hari ini, bidang hafazan al-Quran bukan hanya dipelopori oleh pelajar jurusan agama sahaja, tetapi turut melibatkan pelajar aliran profesional sama ada di peringkat menengah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi. Idea untuk mengembangkan pengajian tahfiz al-Quran kepada pelajar aliran profesional ini dicetuskan oleh Prof. Madya Dr. Sidek Baba sewaktu membentangkan kertas kerja bertajuk Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran semasa program Muzakarah Masa Depan Darul Quran anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2000 (Jusoh et al., 2020). Beliau mencadangkan agar Darul Quran mengukuhkan program diploma dan ijazah lanjutan di institusinya atau secara kerjasama dengan universiti tempatan dan luar negara serta mengembangkan pengajian tahfiz al-Quran dengan memperkenalkan aliran sains dan juga profesional.

Perkembangan pengajian tahfiz aliran sains semakin menyerlah dan mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi Malaysia (Yusof, 2020). Sebanyak lapan buah universiti awam dan swasta serta Politeknik telah menyertai program pengajian tahfiz secara kerjasama dengan Darul Quran JAKIM (Mat Isa, 2023) seperti tertera dalam Jadual 1.

Jadual 1. Senarai Institusi Pengajian Tinggi yang menyertai program pengajian tahfiz secara kerjasama dengan Darul Quran JAKIM.

Bil	Nama Institusi	Keterangan
1	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Memulakan program tahfiz pada tahun 2000, UIAM menjadi perintis dalam memperkenalkan pengajian tahfiz di peringkat universiti.
2	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Menyertai program ini pada tahun 2012, menambah dimensi baru kepada pengajian tahfiz dengan penekanan kepada bidang kejuruteraan dan teknologi.
3	University of Cyberjaya (UoC)	Pada tahun 2014, UoC turut memperkenalkan program tahfiz, meluaskan lagi pilihan pengajian kepada pelajar yang berminat dalam bidang sains kesihatan.
4	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	UTeM menyertai program ini pada tahun 2016, menggabungkan pengajian tahfiz dengan bidang kejuruteraan dan teknologi.
5	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSA)	Pada tahun 2017, PSA memulakan program tahfiz, menawarkan pengajian yang menggabungkan kemahiran teknikal dengan hafazan Al-Quran.
6	Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang	Pada tahun 2018, Politeknik ini menyertai program tahfiz, menambah pilihan pengajian tahfiz dalam bidang vokasional dan teknikal.
7	Management & Science University (MSU)	MSU turut serta dalam program tahfiz pada tahun 2019, menawarkan kombinasi pengajian dalam bidang sains dan perubatan dengan hafazan Al-Quran.
8	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), Bangi	IPGKPI menyertai program tahfiz pada tahun 2019, memberi fokus kepada melahirkan guru-guru yang bukan sahaja mahir dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam hafazan Al-Quran.

Sumber: Mat Isa et al. (2023)

Struktur Program Hafazan di UIAM hampir sama dengan model program hafazan Darul Quran JAKIM. Meskipun mereka menggunakan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Darul Quran JAKIM, tetapi kaedah pelaksanaan di UIAM lebih bersifat fleksibel mengambil kira kesibukan pelajar dengan beban kursus pengajian

yang semakin sukar. Namun, secara umumnya, program hafazan di kedua institusi ini dijalankan selari dengan pengajian akademik. Tempoh pengajian bagi program ini biasanya antara 4 hingga 5 tahun, bergantung kepada bidang pengajian dan keupayaan pelajar dalam

menyelesaikan hafazan (Abdul Rahim, 2023).

Di UIAM, program ini terbuka kepada semua pelajar yang berminat tanpa mengira latar belakang kemahiran tahap hafazan. Namun, kebanyakan pelajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada pelajar lepasan Darul Quran JAKIM yang telah menyelesaikan hafazan mereka selama 18 bulan selepas SPM, di mana fokus utama mereka adalah pada hafazan Al-Quran, *syafawi* (lisan), dan *tahriri* (tulisan) (Abdul Rahim, 2023). Setelah menamatkan pengajian di Darul Quran JAKIM, pelajar akan melanjutkan ke Pusat Asasi UIAM selama setahun sebelum memasuki program ijazah sarjana muda. Di peringkat ijazah, pelajar diberi kebebasan untuk memilih kursus selain daripada sains, termasuk kursus dalam bidang agama, menunjukkan fleksibiliti dan adaptasi program untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza.

Sementara bagi aktiviti dan penilaian Hafazan, UIAM menyediakan kelas tasmii' (pengulangan hafazan) dan menubuhkan kelab untuk pelajar yang berminat meneruskan hafazan mereka selepas menamatkan pengajian di Darul Quran. Menurut Abdul Rahim (2023), kelas tasmii' (pembacaan hafazan) diadakan sebagai aktiviti tanpa markah rasmi, dan pelajar bebas untuk mengulang berapa banyak halaman al-Quran yang mereka mahu. Ini memberikan fleksibiliti kepada pelajar tetapi dalam masa yang sama juga menunjukkan bahawa penekanan pada hafazan menjadi kurang formal setelah mereka memasuki fasa akademik yang lebih tinggi. Kehadiran dan pencapaian pelajar di dalam kelas tasmii' direkodkan, tetapi hanya sebagai laporan, tanpa pengiktirafan rasmi seperti markah atau sijil, yang mungkin mempengaruhi motivasi kehadiran ke kelas bagi

sebahagian pelajar. Justeru, salah satu cabaran yang dihadapi oleh pengajar adalah kekurangan pelajar yang benar-benar komited. Walaupun sambutan terhadap program ini menggalakkan, terdapat beberapa pelajar yang tidak mengikuti sepenuhnya aktiviti hafazan sehingga khatam.

Objektif utama artikel ini adalah untuk mengkaji secara mendalam pengalaman dan pendekatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam melaksanakan program hafazan di peringkat universiti khususnya cabaran yang dihadapi UIAM dalam mengintegrasikan pendidikan hafazan dengan sistem pendidikan akademik arus perdana, di samping strategi penyelesaiannya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen dari sumber sekunder seperti buku dan artikel. Selain itu, temubual separuh berstruktur dijalankan bersama pengajar dan 11 pelajar program hafazan al-Quran di UIAM yang dipilih secara purposive sampling berdasarkan kriteria tertentu. Temubual ini menumpukan kepada motivasi, cabaran, dan kesan program terhadap pelajar yang perlu mengimbangi hafazan dengan tugas akademik.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (Heriyanto, 2018). Braun dan Clarke (2006) menyatakan bahawa kaedah ini berkesan untuk mengenal pasti tema-tema utama dari data kualitatif. Kenyataan ini disokong oleh Fereday dan Muir-Cochrane (2006) yang mengatakan bahawa kaedah ini sangat efektif apabila sebuah kajian ingin mengupas secara terperinci data-data kualitatif yang mereka

miliki untuk mencari kaitan antara isu dalam sebuah fenomena dan menjelaskan sejauh mana sebuah fenomena terjadi melalui kacamata pengkaji. Bahkan Holoway dan Todres (2003) mengatakan bahwa analisis tematik ini merupakan asas dalam menjustifikasikan kepentingan analisis data dalam penelitian kualitatif. Analisis secara tematik dalam kajian ini mendalami pengalaman pelajar dalam program hafazan al-Quran di UIAM, khususnya meneroka isu-isu yang kompleks dan merangkumi pandangan responden yang mungkin tidak dapat diperoleh melalui kaedah lain.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis ini bertujuan untuk memahami pengalaman dan pandangan ketua penyelar program hafazan dan 11 orang responden yang terdiri daripada pelajar asasi UIAM yang menyertai program hafazan, berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Data ini merangkumi aspek demografi, pengalaman peserta dalam program hafazan, serta penilaian mereka terhadap modul hafazan yang digunakan.

Demografi Responden

Data menunjukkan demografi responden terdiri daripada peserta lelaki dan perempuan yang menyertai program hafazan ini, mencerminkan inklusiviti program terhadap kedua-dua jantina. Umur peserta berkisar antara 19 hingga 21 tahun, menunjukkan bahawa program ini menarik minat golongan muda yang berada dalam fasa peralihan dari remaja ke dewasa. Peserta datang dari pelbagai latar belakang pendidikan agama dan tahfiz, termasuk institusi terkenal seperti Sekolah Menengah Al-Islah, Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, dan Darul Quran JAKIM. Ini menunjukkan bahawa program hafazan ini menarik pelajar dari pelbagai institusi

agama yang mempunyai latar belakang yang kukuh dalam pendidikan agama.

Pada masa ini, peserta melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi seperti UIAM dan Centre for Foundation Studies IIUM. Ini menunjukkan bahawa peserta program hafazan ini kebanyakannya terdiri daripada pelajar yang terus menyambung pendidikan tinggi mereka dalam bidang yang berkaitan dengan agama. Peserta mengikuti pelbagai kursus seperti Perubatan, Ekonomi dan Sains Pengurusan, serta Fiqh dan Usul Fiqh. Kebanyakan mereka berada dalam semester pertama atau ketiga, menunjukkan bahawa mereka masih dalam fasa awal pengajian tinggi. Sebahagian besar peserta mempunyai pengalaman dalam program hafazan lain sebelum ini, menunjukkan bahawa mereka sudah biasa dengan proses hafazan dan mungkin telah mencapai tahap kemahiran tertentu sebelum menyertai program ini.

Motivasi Menyertai Program Hafazan

Kebanyakan peserta menyatakan tujuan mereka menyertai program ini adalah untuk meningkatkan kualiti hafazan, menjaga hafalan al-Quran, serta untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang al-Quran. Ini menunjukkan bahawa program ini dianggap sebagai medium penting untuk memperbaiki dan mengekalkan hafazan mereka. Selain itu, majoriti peserta merasakan bahawa program ini sangat membantu dalam mendalami ilmu al-Quran. Mereka menekankan peranan guru yang sangat penting serta modul hafazan yang membantu memudahkan pemahaman dan penghayatan al-Quran (Abd Hadi & Masdan, 2015). Ini menunjukkan keberkesanan modul serta kepentingan bimbingan langsung dalam program ini.

Tahap Penguasaan Modul Hafazan

Melihat kepada aspek tahap penguasaan modul hafazan, kebanyakan responden menilai modul hafazan mudah diikuti dan memberikan manfaat dalam meningkatkan kualiti ilmu tajwid mereka. Peserta juga menekankan kepentingan tadabbur (penghayatan) dalam modul tersebut. Ini mencerminkan bahawa modul yang disediakan adalah menyeluruh dan mampu

memenuhi keperluan pelajar dalam aspek teknikal dan rohani.

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden iaitu 8 orang pelajar mewakili 73% daripada jumlah keseluruhan 11 pelajar menilai modul hafazan sebagai “Sangat Mudah”. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar merasa yakin dan selesa dengan tahap penguasaan modul yang disediakan.

Jadual 2. Pandangan pelajar berkaitan tahap penguasaan Modul Hafazan

Bil	Tahap Penilaian	Kekerapan
1	Sangat Mudah	8
2	Sederhana	3

Hanya sebilangan kecil responden iaitu 3 orang pelajar mewakili 27% menyatakan bahawa tahap penguasaan mereka terhadap modul hafazan berada pada tahap “Sederhana”, yang mungkin menghadapi cabaran atau memerlukan lebih banyak masa dan sokongan untuk mencapai tahap penguasaan yang diinginkan. Keseluruhan data menunjukkan bahawa modul hafazan ini umumnya dianggap mudah oleh majoriti pelajar. Ini mungkin mencerminkan keberkesanan pendekatan atau penyampaian modul dalam membantu pelajar menguasai hafazan dengan baik. Namun, institusi boleh menilai kembali keperluan sokongan tambahan bagi pelajar yang menilai modul sebagai "Sederhana" untuk memastikan semua pelajar mencapai tahap penguasaan yang diinginkan.

Cadangan Penambahbaikan Program Hafazan

Kebanyakan responden mencadangkan agar program memberi lebih tumpuan kepada murajaah (ulang kaji) berbanding hafazan baru, serta menekankan aspek tajwid dan tadabbur dengan lebih mendalam. Beberapa peserta juga

mencadangkan penubuhan program untuk alumni dan mengulangi hafazan secara berkala. Ini menunjukkan peserta inginkan pengukuhan berterusan terhadap hafazan mereka dan tidak hanya fokus kepada hafalan baru. Kebanyakan peserta menganggap modul hafazan sebagai elemen penting dalam proses hafazan, kerana ia membantu mereka untuk berdisiplin dan istiqamah dalam hafalan. Ini menunjukkan bahawa modul tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teknikal tetapi juga sebagai alat untuk membentuk disiplin diri dalam proses hafazan.

Kepentingan Modul Hafazan

Jadual 3 memberikan gambaran yang jelas mengenai pandangan pelajar terhadap kepentingan modul hafazan. Majoriti pelajar iaitu seramai 10 orang menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju menunjukkan bahawa modul tersebut diterima dengan sangat baik oleh kebanyakan peserta. Mereka mengiktiraf modul ini sebagai alat yang efektif untuk membantu mereka mendalami ilmu al-Quran. Pandangan positif ini

mencerminkan keberkesanan modul dalam memenuhi objektifnya, seperti memperkukuh penguasaan hafazan, memahami makna ayat, dan mendekatkan pelajar kepada amalan al-Quran dalam kehidupan seharian (Abd Rahman, 2019). Sebaliknya, hanya seorang pelajar sahaja yang menyatakan kurang bersetuju. Walaupun bilangannya kecil, ia menunjukkan terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam modul ini. Mungkin faktor seperti tahap kesukaran, kaedah pengajaran, atau kekangan masa boleh menjadi punca yang mempengaruhi

pengalaman individu ini. Oleh itu, tinjauan lanjutan atau sesi maklum balas perlu dilakukan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pelajar ini. Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa modul hafazan bukan sahaja relevan tetapi juga memberikan kesan positif kepada kebanyakan pelajar. Namun, pihak penggubal modul boleh mempertimbangkan untuk melakukan penambahbaikan bagi memastikan modul ini lebih inklusif dan dapat memenuhi keperluan semua pelajar.

Jadual 3. Pandangan pelajar mengenai kepentingan Modul Hafazan

Bil	Tahap Penilaian	Kekerapan
1	Sangat Bersetuju	10
2	Kurang Bersetuju	1

Cabaran Integrasi Pendidikan Hafazan dan Akademik

Mengintegrasikan pendidikan hafazan dengan sistem pendidikan akademik arus perdana adalah satu usaha yang mencabar dan memerlukan perancangan yang teliti serta komitmen dari semua pihak yang terlibat. Berikut adalah contoh cabaran yang dihadapi oleh pelajar UIAM dalam menyeimbangkan antara kurikulum hafazan dan akademik;

Beban Kurikulum

Salah satu cabaran utama ialah bagaimana untuk mengimbangi antara tuntutan kurikulum hafazan dengan kurikulum akademik. Pelajar yang terlibat dalam program hafazan perlu menghafaz sejumlah besar ayat Al-Quran, yang memerlukan masa, usaha, dan fokus yang tinggi. Pada masa yang sama, mereka juga perlu memenuhi keperluan akademik seperti menghadiri kelas, menyelesaikan tugas,

dan menduduki peperiksaan. Beban ini boleh menjadi terlalu berat jika tidak diuruskan dengan baik, menyebabkan tekanan dan keletihan kepada pelajar.

“Program Darul Quran Jakim-UIAM yang saya ambil ini mungkin boleh dikurangkan masa menjadi setahun sahaja, memandangkan ada kursus yang memerlukan tumpuan seperti perubatan dan kejuruteraan” (R11, 2023)

Pernyataan ini timbul kerana terdapat pelajar dari bidang yang memerlukan tumpuan intensif, seperti perubatan dan kejuruteraan merasakan sukar untuk mengimbangi komitmen dalam bidang akademik yang mencabar dengan tempoh hafazan yang panjang. Dalam konteks ini, pelajar bukan sahaja memikul beban akademik yang berat tetapi juga perlu mengekalkan prestasi dalam hafazan Al-

Quran, yang kedua-duanya menuntut tahap dedikasi, disiplin, dan pengurusan masa yang tinggi.

Pembahagian Masa

Mengurus masa dengan cekap menjadi cabaran besar kerana pelajar perlu membahagikan waktu antara hafazan, kelas akademik, dan aktiviti kokurikulum. Ini memerlukan jadual yang fleksibel dan penyelarasan yang baik antara pihak penyelaras hafazan dan pengurusan universiti.

“Saya mencadangkan agar diwujudkan planner murajaah supaya ahli halaqah dijaga dan tidak dibiarkan murajaah sendiri bila ada masa sahaja.”
(R10, 2023)

Pernyataan ini menggariskan cadangan untuk mewujudkan planner murajaah (ulangan hafazan) yang sistematik agar pelajar tidak sekadar melakukan murajaah hanya apabila ada masa terluang. Dengan adanya planner ini, jadual murajaah menjadi lebih terancang, dan pelajar akan lebih berdisiplin dalam mengekalkan hafazan mereka secara konsisten.

Cadangan ini juga mencadangkan agar penyelarasan murajaah dalam kumpulan halaqah diberi perhatian khusus oleh penyelaras. Dengan bimbingan ini, setiap ahli halaqah akan mempunyai rujukan yang jelas tentang bilangan ayat atau surah yang perlu diulang setiap hari atau minggu. Sokongan seperti ini penting, terutamanya bagi pelajar yang mungkin sibuk dengan komitmen akademik dan kokurikulum, kerana ia memastikan murajaah tidak terabai dan hafazan lebih stabil dan terjaga. Planner murajaah ini boleh diwujudkan melalui aplikasi, buku log, atau jadual

mingguan yang dikawal selia oleh penyelaras hafazan dan diselaraskan dengan jadual universiti.

Pengukuran dan Penilaian

Penilaian prestasi pelajar yang merangkumi pencapaian dalam bidang hafazan dan akademik merupakan satu cabaran. Institusi perlu membangunkan sistem penilaian yang adil dan seimbang, dengan mengambil kira kemajuan hafazan serta pencapaian akademik secara holistik. Kajian oleh Fauzan dan Shahidan (2024) menyokong pendekatan ini, menunjukkan bahawa bacaan al-Quran secara konsisten memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan pelajar.

“Pengkaji : Penilaian tasmik, bagaimana? Adakah audit dengan DQ?”

Penyelaras : Tidak. Mereka tiada markah. Hanya sebagai aktiviti. Terpulung nak tasmik berapa muka surat. Setakat ni tak ada yang habis 30 juzu’. Paling banyak pon 10 juzu’. Sebab kita tak ada kelas yang wajib untuk mereka.”

Pernyataan ini menjelaskan bahawa penilaian hafazan atau tasmik dalam program ini tidak diberikan markah formal atau dikira dalam prestasi akademik pelajar. Tasmik hanya dianggap sebagai aktiviti tanpa penilaian rasmi, dan tiada kelas khusus yang diwajibkan untuk hafazan, yang menyebabkan kemajuan pelajar dalam hafazan tidak seragam.

Ketiadaan sistem penilaian yang formal dalam hafazan menyebabkan pencapaian hafazan pelajar berbeza-beza, dengan kebanyakan pelajar hanya mencapai 10

juzuk, manakala tiada pelajar yang berjaya melengkapkan 30 juzuk. Ini menunjukkan perlunya sistem penilaian dan pemantauan yang lebih sistematik dan berstruktur agar pelajar lebih termotivasi untuk mencapai kemajuan hafazan yang signifikan.

Strategi Penyelesaian

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan pendidikan hafazan dengan pengajian akademik, terutamanya dalam bidang yang memerlukan komitmen tinggi seperti kejuruteraan dan sains sosial. Namun, mereka telah mengembangkan beberapa strategi dan pendekatan untuk mengatasi cabaran-cabaran ini.

Fleksibiliti dalam Jadual Pengajian

Di UIAM, pelajar program hafazan diberikan fleksibiliti dalam jadual pengajian mereka. Ini termasuk pilihan untuk menangguhkan atau meneruskan kursus tersebut ke semester lain, yang membolehkan pelajar memberi tumpuan lebih kepada hafazan tanpa mengorbankan prestasi akademik mereka. Selain itu, UIAM juga menawarkan kelas hafazan di luar waktu kuliah biasa, seperti pada waktu petang atau hujung minggu, untuk menyesuaikan dengan jadual akademik pelajar. (Abdul Hadi, 2023)

Pilihan Kediaman

Pelajar tahfiz diberikan kebebasan untuk memilih asrama kediaman mereka sendiri (Abdul Hadi, 2023). Ini membolehkan mereka memilih untuk tinggal bersama rakan-rakan yang turut menyertai program hafazan, yang membantu dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong dan kondusif untuk pengajian mereka. Kebersamaan ini membina satu komuniti

pelajar yang saling membantu dan memberi motivasi antara satu sama lain dalam menghafaz Al-Quran dan juga dalam menghadapi cabaran akademik.

Pendekatan yang diambil oleh UIAM dalam menyokong kesejahteraan mental pelajar tahfiz menunjukkan keprihatinan terhadap aspek kehidupan pelajar yang lebih luas daripada sekadar akademik (Ibrahim Star & Syed Bidin, 2021). Kajian (Mohd Jais et al., 2024) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kesihatan mental akan lebih kompeten dan menyerlah dalam pembangunan potensi diri. UIAM memberikan pelajar kebebasan untuk memilih rakan sebilik yang boleh membantu mereka dari segi emosi dan sosial. Pendekatan ini menyumbang kepada persekitaran yang lebih stabil dan menyokong, yang sangat penting untuk kejayaan pelajar dalam mengimbangi pendidikan hafazan dan akademik.

Strategi-strategi ini menunjukkan komitmen UIAM dalam memastikan pelajar tahfiz dapat mencapai kejayaan dalam kedua-dua bidang hafazan dan akademik. Dengan menawarkan fleksibiliti dalam jadual pengajian, sokongan mental dan moral yang kukuh, institusi ini berjaya mengatasi cabaran yang datang dengan program integrasi ini. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar dalam pengurusan masa dan tekanan, tetapi juga memberi mereka peluang untuk berkembang secara holistik sebagai profesional yang berjaya dalam dunia moden, sambil mengekalkan komitmen mereka terhadap agama.

Kesimpulan

Program tahfiz di UIAM membuktikan bahawa pendidikan hafazan dapat diintegrasikan dengan akademik. Program ini umumnya memberi impak positif dalam meningkatkan kualiti hafazan dan

pemahaman al-Quran pelajar. Para peserta menghargai modul hafazan yang berstruktur, fleksibiliti program dan sokongan guru, namun kekurangan formaliti penilaian hafazan boleh menjejaskan komitmen pelajar. Untuk mengatasi cabaran seperti beban kurikulum dan tekanan pelajar, institusi perlu memperkukuh program integrasi tahfiz dan akademik dengan pendekatan pembelajaran fleksibel, bantuan sokongan psikologi, penggunaan aplikasi digital, dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran secara berterusan. Kejayaan program ini sangat bergantung kepada sokongan semua pihak termasuk kerajaan, institusi, dan masyarakat dalam melahirkan generasi huffaz berilmu, berakhlak mulia, dan berdaya saing di peringkat global. Artikel ini diharapkan dapat memberikan pandangan komprehensif dan praktikal kepada institusi pendidikan lain yang ingin mengintegrasikan pendidikan hafazan dalam program akademik mereka.

Penghargaan

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang telah membiayai kerja penyelidikan ini di bawah geran penyelidikan (UMT/TAPE-RG/2022/55410).

Rujukan

Abd Rahman, S., Ishak, I., Abd Warif, N. M., Ibrahim, F. W., Che Din, N., Harun, D., Ghazali, A. R., dan Mohamed, S., (2019) Hubungan antara hafazan al-Quran dan kualiti hidup pelajar tahfiz di Selangor, Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia Isu Khas 2019*: 1-11. Online. <http://dx.doi.org/10.17576/JSKM-2019-17SI-01>. Diakses pada 6 November 2024.

Abd. Hadi, M. L. dan Masdan, A. S (2015). Penekanan terhadap ayat-ayat

mutasyābihāt al-alfāz ke arah pemantapan mutu hafazan al Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.

Abdul Ghafor Hameed, A. (2003). *Isu semasa pengajian Quran dan sunnah*. Selangor: Kolej Universiti Islam Malaysia.

Abdul Rahim, A.H., temubual oleh Dollah@Abdullah, A., Kuantan, 31 Mei 2023.

Alias, N. (2020) Prospek dan cabaran pendidikan tahfiz dalam Sistem Pendidikan Negara dalam buku *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II*. JAKIM. Online. <https://www.researchgate.net/publication/342732463> Prospek dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Diakses pada 4 November 2024.

Ariffin, S., Abdullah, M., dan Norasid, M. A. H. (2017). *Modul-Modul Hafazan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.

Braun, V., dan Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77-101. Online. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>. Diakses pada 2 November 2024.

Embong, A. H., Ghazaly, M. M., Yasin, M. F. M., and Rahman, B. A. (2023). Covid-19 pandemic implications on Quran subjects at primary school in Malaysia: A new solution based on 3t Quranic basic module. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, 23(3): 99-110. <https://doi.org/10.33423/jhetp.v23i3.5842>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Salamun, H., Mutalib, N. A., and Mokhtar, W. K. A. W. (2024). Contemporary employment jurisprudence: An analysis on the aspects of belief, sharia, and morality. *Revista Juridica*, 2(78): 495–511.
<https://doi.org/10.26668/revistajur.2316-753X.v2i78.6868>

Embong, A. H., Rahman, A. H. A., Kadir, F. K. A., Khairuldin, W. M. K. F. W., Shahrani, S. S., and Karim, M. R. A. (2022). A research design based on the framework of tafseer al-fiqhiy (Quranic juristic commentary). *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 11(2): 391-412.
<https://doi.org/10.36941/ajis-2022-0060>

Fauzan, N. dan Shahidan, S. N. (2024). Al-Quran untuk terapi minda dan penyembuhan: kajian menggunakan quantitative electroencephalograph (qEEG): Quran for mind therapy and healing: A research using quantitative electroencephalograph qEEG. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2): 99-109. Online.
<https://doi.org/10.7187/GJAT942015.05.02>. Diakses pada 6 November 2024.

Fereday, J., dan Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: a hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International Journal of Qualitative Methods*, 5(1): 80-92. Online.
<https://doi.org/10.1177/160940690600500107>. Diakses pada 2 November 2024.

Heriyanto. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. Online.
<http://ejournal.undip.ac.id/index.php/anuva>. Diakses pada 2 November 2024.

Holloway, I., dan Todres, L. (2003). The Status of Method: Flexibility, Consistency and Coherence. *Qualitative Research*, 3(3): 345-357. Online.
<https://doi.org/10.1177/14687941030333004>. Diakses pada 2 November 2024.

Ibrahim Star, N. H., dan Syed Bidin, S. N. B. (2021) Kesan bacaan al-Quran ke atas fizikal, mental dan emosi manusia: suatu sorotan: [The effect of reading the Quran on the physical, mental and emotional humans: a highlight]. *KQT EJournal*, 1(2): 69-79. Online.
<https://ejournal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/35>. Diakses pada 2 November 2024.

Jusoh, M. K., Salihin, A. H. H., Ghozali, S., Abdul Latif, R., Ismail, M. Z., dan Yaacob, M. T. (2020). Sejarah perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia. Jilid II. Selangor: Darul Quran JAKIM.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Hassan, S. A., Hanapi, M. S., and Ismail, D. (2019). Ethics of mufti in the declaration of fatwa according to Islam. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22 (5): 1-6.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Mohamad, M. Z., Embong, A. H., and Mokhtar, W. K. A. W. (2021). The role of Prophet Muhammad S.A.W in educating children and its applications to prevent gadget addiction among children. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 13(2): 718–722.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Suhaimi, M. A., Idham, M. A., Embong, A. H., and Hassan, S. A. (2024). Developing a holistic Islam-based academic integrity model for Malaysian higher education institutions. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(1):

677–686. <https://doi.org/10.57239/PJLSS-2024-22.1.0049>

Khairuldin, W. M. K. F. W., Embong, A. H., Anas, W. N. I. W. N., Mohd, H., and Ismail, D. (2018). The application of technology in the dissemination of fatwas: A study on religious institutions in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(7): 1590-1596.

Khairuldin, W. M. K. F. W., Fauzi, N., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Imas, M. M., and Hassan, A. (2020). The knowledge of mobile learning and Quranic symbols (Dabt al-Quran) in Mushaf Uthmani and mobile learning among al-Quran teachers in IMTIAZ, Terengganu. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(5): 1190–1198.

Mat Isa, A. A., Mokhtar, R., Talib, M. H., Mohamad Shokri, S. S., Abd Hamid, M. H., Salihin, S., Arshad, A., Abu Hasan, M. T., dan Ya'akob, A., (2023) Sedekad huffaz profesional Universiti Tenaga Nasional. Selangor: Penerbit Unit Tahfiz, Pusat Islam UNITEN.

Mohd Jais, S, Mohaiyuddin, N., Bistamam, M. N., Mohamed Arip, M. A. S., dan Othman, M. K. (2024). Adolescent mental health interventions: A review of psychological and an Islamic approach. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(1): 50-61. Online. <https://doi.org/10.7187/gJAT072024-4>. Diakses pada 2 November 2024.

Mohd Nawi, M. Z, Omar, M. R., dan Mohd Nor, M. A. (2021). Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam Andalus: Satu sorotan. *Asian People Journal* 4(1): 132-147. Online.

<https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.241>. Diakses pada 3 November 2024.

Samad, M. S. H. bin A., Yusoff, M. Y. @ Z. bin M., dan Ariffin, S. (2021). Tahfiz al-Quran in Malaysia: A study from the view of model design and development research (DDR). *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 11(8): 1984-1993. Online <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i8/10967>. Diakses pada 6 November 2024.

Yusof, N. (2020). Kaedah pintar murajaah al-Quran: Kajian di Institusi Pengajian Tahfiz Malaysia. *Tamaddun. Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran Keagamaan*, 21(2): 219-230. Online. <http://dx.doi.org/10.30587/tamaddun.v21i2.2118>. Diakses pada 3 November 2024.